



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP PERKASA KONTRAKTOR BUMIPUTERA SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KOTA KINABALU, 15 Mei - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) meneruskan inisiatifnya memperkasakan Kontraktor Bumiputera Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan menganjurkan Seminar Pembangunan Kapasiti Kontraktor – Seminar Asas Sistem Kumbahan dan Pembetulan.

Seminar anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang dihadiri oleh 300 peserta telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi di Kota Kinabalu, hari ini.

Penganjuran seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera di negeri ini dan Wilayah Persekutuan Labuan berkaitan teknologi terkini yang digunakan dalam sistem kumbahan dan pembetulan selain potensi pasaran kerja dalam bidang tersebut. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kemahiran dan memberikan nilai tambah kontraktor dalam aspek penghasilan kualiti perkhidmatan selain berpeluang mendapatkan maklumat terkini mengenai industri binaan.

Seminar ini ialah kolaborasi strategik antara agensi di bawah KUSKOP seperti TEKUN, SME Bank, SME Corp. Malaysia selain rakan strategik iaitu CIDB dan PUKONSA. Ia turut melibatkan penyertaan daripada syarikat-syarikat pembekal bahan binaan bagi mempromosikan produk yang ditawarkan kepada peserta seminar yang terdiri daripada kontraktor Bumiputera dari gred G1 hingga G7 di Negeri Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman, prestasi pembiayaan Skim Kontrak-i Bumiputera oleh TEKUN bagi tahun 2024 seluruh negara berjumlah RM479,584,000.00 iaitu 6,002 bilangan pinjaman. Manakala, bagi tahun 2025 sehingga 31 Mac lalu berjumlah RM64,275,000.00 dengan 869 bilangan pinjaman.

Bagi tahun 2024, prestasi pembiayaan Skim Kontrak-i Bumiputera negeri Sabah mencatat 1,295 bilangan pinjaman dengan jumlah RM104,216,000.00. Manakala, bagi tahun 2025 sehingga 31 Mac, Sabah negeri tertinggi menerima jumlah pembiayaan iaitu RM11,445,000.00 dengan 178 bilangan pinjaman direkodkan.

Manakala sepanjang tahun 2019 hingga 30 April 2025 (semenjak PKK diletakkan dibawah KUSKOP) sejumlah 34 permohonan telah diluluskan melibatkan jumlah pembiayaan bernilai RM14,282,800.00, dua daripadanya merupakan kontraktor di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan nilai pembiayaan RM545,900.00.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
15 MEI 2025